



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI TERKINI
DEMAM DENGGI DAN ZIKA DI MALAYSIA**
Bagi Minggu 16/2016 (17 hingga 23 April 2016)

Statistik Denggi terkini pada minggu ke-16 (17 April hingga 23 April 2016) menunjukkan terdapat pengurangan kes sebanyak 13.3% di seluruh negara iaitu 1,607 kes berbanding 1,854 kes pada minggu sebelumnya. Hanya lima (5) buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes iaitu WP Kuala Lumpur & Putrajaya 32 kes (25.2%), Negeri Sembilan 10 kes (55.6%), Kelantan 6 kes (14.6%), Perlis 4 kes (100%) dan Pahang 2 kes (6.5%). Jumlah kumulatif kes Denggi dari Januari hingga 23 April 2016, menunjukkan peratus peningkatan sebanyak 10.8% (4,165 kes) iaitu 42,682 kes bagi tahun ini, berbanding 38,517 kes bagi tempoh yang sama tahun 2015.

Di samping itu, terdapat dua (2) kematian yang dilaporkan pada minggu ke-16 iaitu di negeri Selangor. Jumlah kumulatif kematian Denggi dari Januari sehingga 23 April 2016, adalah sebanyak 94 kematian berbanding 120 kematian bagi tempoh sama tahun 2015, iaitu penurunan sebanyak 21.7% (26 kematian). Kedua-dua kes kematian Denggi ini melibatkan mereka yang berumur sekitar 30-an dan sebab kematian adalah akibat komplikasi Demam Denggi. Kedua-dua kematian ini berlaku di kawasan wabak dan pemeriksaan yang

dijalankan di kawasan tempat tinggal kes kematian ini menunjukkan kadar pembiakan Aedes sekitar 3.0% iaitu melebihi sasaran 1% yang ditetapkan oleh KKM.

KKM juga mendapati peratusan lokaliti wabak juga menunjukkan penurunan sebanyak 10.0% iaitu daripada 744 lokaliti pada minggu ke-15 kepada 672 lokaliti pada minggu ke-16. Jumlah lokaliti hotspot didapati turut berkurangan daripada 145 lokaliti pada minggu sebelumnya kepada 136 lokaliti pada minggu ke-16. Kejadian lokaliti hotspot melibatkan 6 buah negeri iaitu di Selangor (102 lokaliti), Johor (27 lokaliti), WPKL & Putrajaya, Sarawak dan Perak masing-masing 2 lokaliti dan Negeri Sembilan (1 lokaliti).

Operasi Penguatkuasaan pembiakan Aedes secara besar-besaran di seluruh negara masih diteruskan dan sehingga 24 April 2016 terdapat 69,984 premis yang telah diperiksa. Sebanyak 390 bilangan kompaun telah dikeluarkan dengan nilai kompaun sebanyak RM 195,000. Sebanyak empat (4) tapak binaan ditutup daripada 106 tapak binaan yang diperiksa dan kesemuanya di Selangor. Di samping itu, tujuh (7) kes telah dibawa ke mahkamah iaitu di Selangor (5 kes) dan masing-masing satu (1 kes) di Negeri Sembilan serta Terengganu.

KKM memandang serius isu pembiakan nyamuk Aedes di tapak binaan terutama yang berhampiran dengan kawasan perumahan. Pemaju atau kontraktor tapak binaan perlu menubuhkan pasukan kawalan pembiakan Aedes yang bertanggungjawab dalam mencari dan memusnahkan semua bekas-bekas yang berpotensi sebagai tempat pembiakan setiap minggu dan menjalankan aktiviti larvasid termasuk di rumah-rumah kongsi. Sekiranya tenaga kerja tidak mencukupi, pemaju

atau kontraktor perlu melantik Syarikat Kawalan Makhluk Perosak untuk menjalankan kerja-kerja pemusnahan pembiakan nyamuk Aedes bagi pihak mereka. Garis Panduan Pengawalan Nyamuk Aedes Di Tapak-Tapak Pembinaan boleh dimuat turun di laman sesawang http://idengue.remotesensing.gov.my/idengue/content/SOP_construction_site.pdf.

Secara global, situasi terkini jangkitan virus Zika oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu dari 1 Januari 2007 sehingga 20 April 2016, menunjukkan sebanyak 66 buah negara telah melaporkan jangkitan virus Zika. Sehingga 23 April 2016, sebanyak 462 sampel telah diuji oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan juga Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), namun tiada jangkitan virus Zika yang dikesan di negara ini. IMR telah menjalankan ujian bagi mengesan virus Zika daripada sampel darah 2 kes *Guillain-Barré syndrome (GBS)* dan 1 kes *microcephaly*. Keputusan ujian bagi ketiga-tiga kes ini adalah negatif.

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
29 April 2016

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 16/2016
(17 April sehingga 23 April 2016)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 16/2016		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 16/2015	
		Minggu 16 (17 April- 23 April 2016)		Minggu 15 (10 April- 16 April 2016)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	4	0	0	0	77	0	102	1
2	Kedah	4	0	9	0	289	1	302	1
3	P. Pinang	14	0	37	0	1,642	10	1,623	5
4	Perak	48	0	62	0	1,686	4	4,207	10
5	Selangor	929	2	1,137	0	22,699	34	22,557	63
6	WP KL & Putrajaya	159	0	127	0	2,896	4	2,208	13
7	N. Sembilan	28	0	18	0	1,083	9	616	6
8	Melaka	25	0	33	0	882	1	605	2
9	Johor	224	0	229	2	6,042	10	2,216	5
10	Pahang	33	0	31	0	1,060	4	908	3
11	Terengganu	14	0	18	0	1,438	12	438	2
12	Kelantan	47	0	41	0	922	1	594	3
13	Sarawak	63	0	76	0	866	3	944	2
14	Sabah	12	0	36	0	1,098	1	1,196	4
15	WP Labuan	0	0	0	0	2	0	1	0
	MALAYSIA	1,607	2	1,854	2	42,682	94	38,517	120

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 23 APRIL (Mg 16)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 (Flat A:Blok 1-22)	183	212
2	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	189	207
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Persanda)	50	188
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 (Flat B:Blok 13-19)	88	187
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen U8 (Teres K : Jln U8/48 - U8/64)	174	178
6	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 12)	72	168
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Suria:Blok 1 - 8)	74	165
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 Teres A (Jln 17/1a-17/15)	59	152
9	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Subang Murni Teres : Jln U5/140 - 162)	58	134
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	209	131
11	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Brunfield Riverview)	60	128
12	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	112	128
13	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kota Masai Jln Nenas	76	128
14	SELANGOR	Petaling	SS 17/2	25	118
15	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	60	117
16	SELANGOR	Petaling	BI Pju 8 Apt Flora Damansara 2 (Blok C - F)	33	114
17	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 4 (Jln Bk 4/1 & Sebahagian 4/2-4/4)	43	112
18	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 (Flat Pprt : Blok A, B, C)	49	109
19	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	156	106

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
20	SELANGOR	Petaling	Usj 1 (Angsana Appt)	29	106
21	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 6)	59	103
22	WPKL	Cheras	Flat Sri Penara	24	103
23	SELANGOR	Petaling	Usj 18	28	102
24	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Indah	28	98
25	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B: Blok 13 - 37)	46	95
26	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 5)	37	92
27	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat A : Blok 1, 3, 5, 7, 9, 11, 13, 15, 17, 19)	55	90
28	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 (Teres D : Jln 27/54 - 27/87)	26	88
29	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres E:Jln 7/29 - 7/35)	27	87
30	JOHOR	Johor Bharu	Flat Desa Mutiara	30	87
31	PERAK	Kinta	Kg Baru Simpang Pulai	28	86
32	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Intan 3	25	80
33	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil: Blok 1 - 18)	37	77
34	SELANGOR	Petaling	Bdr Puchong Jaya Jln Kenari	14	77
35	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama 7 Court 2	24	76
36	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama 7 Court 1	15	76
37	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara (Jln Bk 2)	25	75
38	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 30-38c Kampung Cheras Baru	12	72
39	SELANGOR	Petaling	Usj 17	32	72
40	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Perdana (Lp 8)	30	71
41	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Melor	15	70
42	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 4 Gugusan Semarak	22	69
43	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Idaman Fasa 2 : Blok D,E,F,G,O,P,Q,R,S	17	67
44	SELANGOR	Gombak	Appt Bdr Baru Kundang	50	66

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
45	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kota Masai Jln Pulasan	23	66
46	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Permai (Flat Blok F)	22	66
47	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Hijauan : Blok 9 - 12)	28	64
48	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Rinting Jln Cendana	12	64
49	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres C:Jln 7/10 - 7/22)	10	64
50	SELANGOR	Kuala Langat	Pangsapuri Impian Bdr Saujana Putra	22	62
51	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 8 Gugusan Dahlia	23	62
52	SELANGOR	Petaling	Subang Jaya (Dk Senza Condominium Jln Taylors)	32	62
53	SELANGOR	Petaling	Seksyen U19 Bbsb (Fasa 3 : Jln 3/1 - 3/9)	23	61
54	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Desa Subang Teres : Jln U5/98 - U5/104 & U5/131 - U5/135a)	45	60
55	SELANGOR	Petaling	Bdr Puteri 11	11	60
56	SELANGOR	Gombak	Appt Berembang Indah	6	58
57	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres K : Jln 7/70 - 7/89)	20	58
58	SELANGOR	Petaling	Usj 6 (Qts Guru)	12	58
59	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 4 (Jln Bk 4/5 - 4/9)	12	58
60	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 (Flat B: Blok 26-30)	12	57
61	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Desa Jaya Jln Lembah	16	54
62	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 4 Tmn Indah Jaya (Teres A : Jln Pjs 4/8,10,12,16,18,20,22a, 25,27)	7	53
63	N SEMBILAN	Seremban	Appartment Desa Palma	14	53
64	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Anggerik Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	10	52
65	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 (Jln 18/3 Flat A : Blok 2 -10)	9	52
66	JOHOR	Johor Bharu	Danga Bay Country Garden	30	52
67	SELANGOR	Petaling	Bdr Puchong Jaya Jln Serindit	10	51

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
68	SELANGOR	Petaling	Ss 13/1 (Flat Kos Rendah)	15	51
69	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 5 (Jln Bk 5/9-Bk 5/18) & Ipd Serdang	26	50
70	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Baiduri)	24	49
71	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Sri Skudai Jln Tembaga Merah	12	49
72	SELANGOR	Petaling	Usj 15 (Subang Perdana Goodyear Court 10a)	8	48
73	SELANGOR	Gombak	Condo 162 Residensi	12	47
74	SELANGOR	Petaling	Seksyen U12 (Desa Alam Teres B : Jln U12/3 - U12/8)	10	47
75	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Desa Jaya Jln Danau	29	47
76	PERAK	Kinta	Tmn Tasek Indera	6	47
77	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 (Teres A - Jln 27/10a - 27/21d)	9	46
78	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat B : Blok 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20)	17	46
79	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Nuri: Blok A - C & Apt Indah :Blok 1)	11	46
80	SELANGOR	Petaling	Tmn Perindustrian Puchong (Jln Tpp 1/1 - 1/19)	7	46
81	SELANGOR	Petaling	Tmn Saujana Puchong Sp 7	7	46
82	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Sri Pulai Perdana	7	46
83	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Seri Tulip	14	45
84	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Teres A : Jln 8/1 - 8/13)	7	45
85	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Dahlia	7	45
86	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2d Tmn Medan (Teres B : Jln Pjs 2d/2, 4, 5 - 12, 14)	6	44
87	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara (Jln Tk 2)	8	44
88	SELANGOR	Petaling	Usj 13/1	9	44
89	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Puteri Wangsa Beladau	7	44
90	SELANGOR	Gombak	Kg Laksamana Zon A	6	44
91	JOHOR	Johor Bharu	Bbu Barli	25	44
92	WPKL	Cheras	Ppr Desa Tun Razak	6	43

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
93	JOHOR	Johor Bharu	Bdr Baru Permas Jaya 5	7	42
94	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Utarid : Blok 8 - 10)	6	41
95	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Megah Ria Jln Api-Api	6	41
96	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres B:Jln 7/3-7/9)	7	41
97	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Ukay	5	40
98	JOHOR	Johor Bharu	Bdr Baru Permas Jaya 7	11	40
99	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Scientex Jln Serindit	6	40
100	SELANGOR	Petaling	Seksyen 16 (Flat C:Blok 17-26)	10	39
101	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Sky Villa, Kesidang & Rumah Kedai)	9	39
102	SELANGOR	Kuala Langat	Jalan Pandan Taman Dato Hormat	5	38
103	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 1 (Flat Bkt Puchong)	11	38
104	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 3	6	38
105	SELANGOR	Gombak	Sri Maya Condo	9	37
106	SELANGOR	Gombak	Tmn Velox	6	37
107	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Sri Aman (Jln Jurutera)	6	37
108	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana 1 (Jln Mawar)	8	37
109	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 (Puncak Perdana : UITM)	24	36
110	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Seri Pelangi : Blok 1 - 3 & Rmh Pangsa Seri Murni Blok 4)	20	36
111	SELANGOR	Petaling	Du Ss 2 (4)	10	36
112	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 1 Teres C	7	36
113	JOHOR	Johor Bharu	Ciq Gelang Patah	7	36
114	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 5a (2) : Jln Ss 5a/11 - 5a/18	5	35
115	JOHOR	Johor Bharu	Tuta Pahlawan	9	35
116	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 9a 2 (Jln 9a/1,2,4,13,14,15,16,18,19)	5	35

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
117	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D:Blok 52 - 58)	11	34
118	SELANGOR	Gombak	Kg Gombak Kuang	8	33
119	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Subang Pelangi : Jln U5/122-129,136-136c & Jln U5/Ak, Aj, Ah & Ag)	17	33
120	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 6 Flat Desa Mentari 1 : Blok 1, 2, 3	9	33
121	SELANGOR	Petaling	Tmn Perindustrian Sime Uep Subang (Jln Tp)	6	33
122	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Megah Ria Jln Dedaru	5	33
123	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Molek 3/	11	33
124	JOHOR	Johor Bharu	Tuta Bentara	8	33
125	JOHOR	Johor Bharu	Kangkar Tebrau	13	33
126	SARAWAK	Sibu	Lorong 14 Jalan Merdeka	7	33
127	SELANGOR	Gombak	Magnaville Condo	7	33
128	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Teres D)	4	33
129	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Cemara Taman Kajang Utama	5	32
130	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Megah Ria Jln Jelatang	9	32
131	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Bukit Indah Jln Indah 1	4	32
132	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Melawati	11	32
133	SARAWAK	Kapit	Jalan Penghulu Gerinang Kapit	36	32
134	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 9)	7	31
135	SELANGOR	Petaling	Usj 17 (Tropika Paradise)	7	31
136	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Rinting Jln Sena	4	31